

REPARIL® TABLETS

Amorphous Aescin (20mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Reparil® Tablet
2. Bagaimana Reparil® Tablet berfungsi
3. Sebelum menggunakan Reparil® Tablet
4. Cara menggunakan Reparil® Tablet
5. Semasa menggunakan Reparil® Tablet
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Reparil® Tablet
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemas kini RiMUP

Apakah kegunaan Reparil® Tablet

Reparil® Tablet digunakan untuk mengurangkan bengkak selepas kecederaan trauma.

Bagaimana Reparil® Tablet berfungsi

Reparil® Tablet mengandungi aescin yang mengurangkan radang dan meningkatkan aliran darah untuk membantu bengkak cepat sembuh,

Sebelum menggunakan Reparil® Tablet

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan guna Reparil® Tablet sekiranya anda:

- hipersensitif terhadap aescin atau mana-mana bahan lain yang terkandung dalam ubat ini (disenaraikan dalam maklumat lanjut produk)
- menghadapi masalah buah pinggang

- Sebelum menggunakan Reparil® Tablet

Reparil® Tablet tidak harus digunakan untuk kanak-kanak berumur bawah 7 tahun.

Mengandung dan menyusukan anak

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi jika anda mengandung, merancang untuk mengandung atau sedang mengandung menyusukan anak sebelum menggunakan sebarang ubat.

Beritahu doktor atau ahli farmasi sekiranya anda menghadapi intoleransi gula atau masalah penyerapan gula kerana *Reparil® Tablet* mengandungi laktosa dan sukrosa dan anda tidak patut menggunakannya.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Beritahu doktor atau ahli farmasi and jika anda mengambil ubat berikut:

- Ubat cair darah
- Antibiotik seperti gentamicin, cephalotin dan ampicillin

Cara menggunakan Reparil® Tablet

- Berapa banyak harus digunakan

Sentiasa menggunakan Reparil® Tablet mengikut nasihat doktor anda. Sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi sekiranya anda tidak pasti.

Cara pengambilan adalah seperti berikut:

- Dewasa dan kanak-kanak melebihi 14 tahun (dos awal): 2 biji 3 kali sehari
- Kes ringan atau dos jangka Panjang: 1 biji 3 kali sehari
- Kanak-kanak 7-14 tahun: 1 biji 2 hingga 3 kali sehari

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

Ambil Reparil® Tablet selepas makan dengan sedikit cecair.

- Berapa lama perlu digunakan

Reparil® Tablet haruslah digunakan selama 2-3 bulan atau mengikut tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika anda terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hamper masa untuk dos seterusnya, abaikan dos tertinggal dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya mengikut jadual seperti biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika menggunakannya secara berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau sesiapa terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Pengambilan ubat ini secara berlebihan mungkin menyebabkan keterujaan, keresahan, cirit-birit, muntah dan lain-lain.

Semasa menggunakan Reparil® Tablet

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

REPARIL® TABLETS

Amorphous Aescin (20mg)

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Reparil® Tablet.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baharu tanpa dibincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan memberi Reparil® Tablet kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan jentera

Berhati-hati apabila memandu atau menggunakan jentera sehingga anda tahu bagaimana Reparil® Tablet mempengaruhi anda.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Reparil® Tablet boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Reaksi hipersensitif seperti gegata boleh berlaku tetapi sangat jarang. Berhenti mengambil Reparil® Tablet jika ini berlaku.

Gangguan pencernaan berlaku tetapi tidak kerap.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan

sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan Reparil® Tablet

- Penyimpanan

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

Tarikh luput dicetak pada kadbod lipat. Jangan gunakan ubat ini setelah tarikh luput berlalu.

Jangan simpan ubat di tempat yang terdedah kepada cahaya matahari.

Simpan di bawah suhu 30°C.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Reparil® Tablet berbentuk bulat berdiameter 7mm, dwicembung, bersalut dan berwarna putih berkilat.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
Amorphous aescin.
Aescin berasal dari *horse chestnut* (*Aesculus hippocastanum*).

- Bahan tidak aktif

Simethicone emulsion, white beeswax, sodium hydroxide, carmellose sodium, anhydrous colloidal silica, triethyl citrate, macrogol 8000, titanium dioxide, acacia, povidone, magnesium stearate, talc, sucrose, methacrylic acid-ethyl acrylate copolymer, lactose monohydrate, carnauba wax

- Nombor MAL

MAL11030107XR

Pengilang

Madaus GmbH,
Lütticher Straße 5,
53842 Troisdorf,
Germany.

Pemegang Pendaftaran Produk

Mylan Healthcare Sdn. Bhd. ,
15-03 & 15-04, Level 15,
Imazium,
No. 8, Jalan SS 21/37,
Damansara Uptown,
47400 Petaling Jaya, Selangor,
Malaysia.

Tarikh kemas kini RiMUP

28/02/2025

Nombor Siri

NPRA(R2/1)250310/1429